



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



NARATIF POLITIK PEMBANGUNAN DI SABAH, MALAYSIA: ANTARA HARAPAN DAN REALITI

POLITICS OF DEVELOPMENT NARRATIVE IN SABAH: EXPECTATION AND REALITY

Joloning Joe Majambu¹, Romzi Ationg^{2*}, Saifulazry Mokhtar^{3*}, Mohd Azri Ibrahim⁴

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: joloningm@gmail.com

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mrations@ums.edu.my

³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mohdazri@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.03.2025

Revised date: 15.04.2025

Accepted date: 22.05.2025

Published date: 26.06.2025

To cite this document:

Majambu, J. J., Ationg, R., Mokhtar, S., & Ibrahim, M. A. (2025). Naratif Politik Pembangunan Di Sabah, Malaysia: Antara Harapan Dan Realiti. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 500-519.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040036

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Sabah merupakan salah satu wilayah yang membentuk Persekutuan Malaysia. Wilayah ini terletak di bahagian utara pulau Borneo dengan keluasan kawasan sekitar 72,500 kilometer persegi, dan bersempadan dengan Sarawak, serta terpisah dari semenanjung Malaysia (dahulunya dipanggil Tanah Melayu). Sejak mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, kegiatan politik di wilayah ini telah dicorakkan oleh pelbagai naratif politik. Antara naratif politik yang berterusan digunakan oleh para aktor politik ialah politik pembangunan. Penggunaan naratif politik pembangunan terbukti berjaya mendapat sambutan rakyat Sabah apabila parti politik yang menggunakan naratif ini berjaya menguasai arena politik wilayah Sabah. Persoalannya ialah apakah sebenarnya harapan rakyat dan realiti pelaksanaan naratif tersebut di wilayah ini. Sehubungan itu, kajian yang menggunakan kaedah campuran (*mixed-method*) ini dijalankan bagi tujuan mendedahkan apakah sebenarnya harapan rakyat terhadap naratif politik yang acap kali digunakan oleh aktor-aktor politik bagi menarik sokongan pengundi di Sabah, Malaysia serta realiti pelaksanaan naratif tersebut sejak tahun 1963. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa rakyat di Sabah sejak sekian lama telah meletakkan harapan tinggi supaya naratif politik pembangunan mampu meningkatkan status wilayah ini daripada wilayah mundur kepada wilayah yang maju dalam kerangka persekutuan Malaysia. Namun hakikatnya didapati bahawa naratif politik pembangunan masih tidak berjaya merealisasikan

harapan mereka. Pelbagai faktor didapati telah menyumbang kepada kegagalan merealisasikan harapan tersebut. Sehubungan itu, beberapa cadangan dikemukakan untuk memastikan faktor penghalang kepada usaha merealisasikan harapan tersebut dapat ditangani.

Kata Kunci:

Malaysia, Naratif Politik Pembangunan, Sabah

Abstract:

Sabah is one of the regions that make up the Federation of Malaysia. It is in the northern part of the island of Borneo with an area of about 72,500 square kilometres, and borders Sarawak, and is separated from the Malaysian peninsula (formerly known as the Tanah Malaya). Since attaining independence through the formation of Malaysia on 16 September 1963, the political activities in this land have been shaped by various political narratives. Among the political narratives that are continuously used by political actors is the politics of development. The use of the political narrative of development proved to be successful in acquiring political support from the people of Sabah as the political party that used this narrative succeeded in dominating the political arena of this state. Nevertheless, the question now becomes 'what exactly are the peoples' expectations and the reality of the implementation of such a narrative in Sabah?'. Accordingly, a study which used the mixed-method approach was conducted at the aim of revealing what the people's expectations are of this political narrative, a political narrative regularly used by political actors to entice the voter in Sabah, Malaysia, as well as the reality of the implementation of such a narrative since 1963. Overall, this study discovered that the people of Sabah has been hoping for a long time that the narrative can significantly contribute in the improvement of development in this land. However, the study found that such a political narrative has not succeeded in realizing their hopes. There are factors contributed to this phenomenon and therefore the study put forwarded recommendations on the way to effectively deal with these factors.

Keywords:

Malaysia, Politics of Development Narrative, Sabah

Pendahuluan

Naratologi atau teori berkaitan naratif politik biasanya menegaskan bahawa naratif politik khusus telah muncul sejak sekian lama dalam masyarakat secara umum di serata dunia. Malahan para sarjana menggambarkan bahawa naratif politik yang dianggap berpengaruh atau mampu mempengaruhi para pengundi akan berulang kali digunakan oleh aktor politik untuk kepentingan politik mereka (Miller, 2020; Shenhav, Oshri, Ofek & Sheaffer, 2014; Shenhav, 2006; Patterson & Monroe, 1998; Franzosi, 1998). Shenhav (2006) menjelaskan bahawa fenomena ini berlaku kerana naratif politik, sebagaimana menurut ilmu kemanusiaan dan sains politik, amat sesuai digunakan oleh aktor politik untuk kekal relevan dalam persaingan politik demokrasi apabila ianya dapat menggambarkan suatu keinginan atau aspirasi berdasarkan pembentukan fakta dan memberi kesan kepada pemahaman tentang suatu realiti. Menyedari hakikat ini, Miller (2020), Shenhav dan lain-lain (2014), dan Shenhav (2006) berpendapat bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan konsep naratif semakin kerap dikupas secara ilmiah oleh para penyelidik disebabkan kecenderungan semulajadi manusia mengemari

penceritaan penceritaan atau pengkisahan, yang merangkumi dua perihal yang klise iaitu peristiwa dan representasinya.

Sebagai contoh, Miller (2020) mengupas konsep naratif politik sebagai perkara penting yang mempunyai kemampuan untuk mengubah potensi pihak-pihak yang bersaing dalam arena politik. Keadaan ini bisanya berlaku apabila naratif politik dikaitkan dengan polisi yang diketengahkan oleh pihak-pihak berkenaan dalam usaha meningkatkan sokongan pengundi. Manakala, Shenhav, dan lain-lain (2014) pula menjelaskan konsep naratif politik sebagai salah satu daripada pelbagai perkara penting yang diperlukan bagi tujuan pembentukan gabungan parti-parti politik dengan tujuan pembentukan kuasa politik tempatan, khususnya bagi membolehkan sebuah kerajaan dapat dibentuk selepas pilihanraya. Dalam pada itu, naratif politik bukan hanya perlu dianggap sebagai suatu konsep dalam arena politik tetapi juga sebagai alat yang seringkali digunakan oleh para aktor politik untuk membina perspektif tertentu yang mampu menarik minat masyarakat setempat serta mengubah hubungan antara kumpulan sosial dan individu (Graef, da Silva & Lemay-Hebert, 2018).

Sebagai alat politik, naratif politik juga menjadikan fiksyen atau cerita rekaan berubah menjadi fakta dalam wacana umum yang dianggap sebagai senjata politik dalam kalangan aktor-aktor politik setempat (Patterson & Monroe, 1998). Justeru, perspektif meta-naratif yang merujuk kepada naratif makna sejarah, pengalaman atau pengetahuan, yang menawarkan legitimasi masyarakat melalui pengujudan idea yang belum direalisasikan tetapi hanyalah bersifat jangkaan, menggambarkan bahawa naratif politik seringkali disulami oleh kepalsuan penceritaan perkara tertentu. Melalui penceritaan palsu ini maka dalam jangka masa pendek masyarakat selalunya terpengaruh dan menyokong aktor politik yang berbuat demikian. Hal ini menyebabkan naratif politik memberi kesan signifikan terhadap potensi seorang aktor politik untuk berjaya apabila ianya berupaya menimbulkan elemen kesedihan, kegembiraan dan dorongan melalui nilai yang diberikannya (Polletta & Callahan, 2017).

Memandangkan konsep naratif politik amat berpengaruh dalam proses menarik sokongan pengundi maka disiplin ilmu naratologi yang seringkali dianggap ilmu baru, walaupun disiplin ini telah mula muncul sejak zaman klasik Plato (c. 428–c. 348 BCE) dan Aristotle (384–322 BCE), semakin mendapat tempat dalam kajian ilmiah mutakhir ini. Ilmu naratologi melalui teori naratif oleh Aristotle dalam *Poetics* (C. 335 BCE) dipercayai sebagai salah satu teks terawal dalam naratologi. Disebalik kemunculan teori ini, konsep narratologi hanya mula muncul apabila ahli falsafah Bulgaria-Perancis Tzvetan Todorov (1939–2017) mencipta istilah Perancis *narratologie* (diterjemahkan sebagai *narratology*) dalam buku beliau bertajuk *Grammaire du Décaméron* yang diterbitkan pada tahun 1969. Sejak itu, naratologi berkembang dengan pesat pada abad kedua puluh dan seterusnya menarik perhatian pengkritik sastera, ahli bahasa, ahli falsafah, ahli cerita rakyat, dan ahli antropologi di seluruh dunia.

Sejajar dengan itu, penjelasan tentang naratif politik di Malaysia juga semakin berkembang, khususnya naratif politik tertentu yang berulang kali digunakan oleh para aktor politik di negara ini sejak terbentuknya persekutuan Malaysia pada tahun 1963 iaitu naratif politik pembangunan. Antara sumber awal yang membincangkan tentang naratif politik pembangunan di negara ini ialah kajian ekonomi politik yang menumpukan kepada aspek eksploitasi hutan tadahan hujan dan pembangunan di Sarawak oleh Victor T. King (rujuk King, 1993). Dalam terbitan ini, Victor T. King menggambarkan bahawa pembangunan menjadi antara naratif politik penting di Sarawak. Warijo (2012) turut mengkaji politik pembangunan di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada peranan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam politik

kepartian dan bagaimana parti tersebut menyumbang kepada perkembangan aktiviti politik di Malaysia melalui aplikasi naratif ‘membangun bersama Islam’ dan ‘membangun menurut Islam’.

Sekalipun Warijo (2012) menegaskan bahawa kajiannya adalah tentang politik pembangunan, tetapi apabila diamati secara kritikal, penulisan lebih tertumpu kepada evolusi parti PAS itu sendiri yang terpaksa menerima pakai agenda pembangunan sebagai naratif politik untuk menarik sokongan pengundi akibat tuntutan perubahan samada secara fizikal mahupun sebaliknya dalam kalangan rakyat secara keseluruhannya. Malahan Warijo turut mengakui bahawa kajian ini bertujuan menganalisis perkembangan parti PAS dalam ruang lingkup lanskap politik Malaysia apabila beliau berkata, “*This study analyzed the development of the Islamic Party (PAS) in Malaysia Land Scape*” (2012: 37). Tumpuan kajian seumpama ini menyebabkan kajian ini masih kurang memberi kefahaman tentang makna sebenar politik pembangunan dalam arus politik di Malaysia dalam konteks meningkatkan potensi seseorang aktor politik mahupun parti politik yang diterajunya.

Sehubungan itu, Hazis (2009) dalam kajiannya tentang politik pembangunan di Sarawak menjelaskan bahawa amalan mempolitikkan pembangunan dalam kalangan pemimpin politik di peringkat persekutuan menjadi punca dominasi berterusan Barisan Nasional (BN) dalam arena politik negeri ini. Manakala sumber awal yang membincangkan tentang naratif politik pembangunan yang melibatkan negeri Sabah ialah kajian yang dijalankan oleh Lockard (1997) bertajuk ‘*Sabah and Sarawak: The politics of development and federalism*’. Kajian ini menggambarkan bahawa naratif politik pembangunan di Sabah amat berkait rapat dengan proses pembentukan persekutuan Malaysia serta aspirasi pemimpin politik di peringkat persekutuan untuk menguasai kegiatan politik di negeri ini.

Usaha memahami naratif politik pembangunan melalui hubungan pusat dan negeri ini turut dijalankan oleh Kok-Wah (1996) melalui kajiannya bertajuk “*A New Sabah and the spell of development: Resolving federal-state relations in Malaysia*”. Dalam kajian tersebut, Kok-Wah (1996) turut menggambarkan bahawa naratif politik pembangunan di Sabah dibayangi oleh hubungan persekutuan dan negeri. Beliau menegaskan bahawa keadaan ini demikian apabila pemimpin politik di peringkat persekutuan berusaha mengurangkan sokongan politik parti politik tempatan melalui penggunaan naratif politik pembangunan. Penggunaan naratif tersebut dilihat berjaya menyumbang kepada penguasaan kerajaan persekutuan menumbangkan parti politik yang menerajui kerajaan persekutuan iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS) pada tahun 1994.

Kajian Doolittle (2001) bertajuk “*Are they making fun of us?*” *The politics of development in Sabah, Malaysia* pula mendapati bahawa naratif politik pembangunan merupakan alat utama yang sering digunakan oleh ahli politik bagi meningkatkan dominasi politik, ekonomi dan budaya kumpulan ethnoreligious tertentu. Namun demikian disebalik naratif ini beliau menegaskan bahawa Sabah masih kekal antara negeri miskin di Malaysia dan naratif politik pembangunan sebenarnya lebih berkesan bagi usaha mengukuhkan pengaruh kerajaan persekutuan di negeri ini. Ini bermakna kebanyakan penulis awal tentang naratif politik pembangunan lebih cenderung mengaitkan naratif tersebut dengan hubungan kerajaan pusat dan kerajaan negeri dengan memberi tumpuan kepada potensi pengukuhan pengaruh kerajaan persekutuan di negeri Sabah.

Selain itu, terdapat juga kajian lain berkaitan naratif politik pembangunan di Sabah yang dijalankan oleh Mohamad Haziq, Zaini, Eko dan Jasmi pada tahun 2018. Dalam kajian tersebut, Mohamad Haziq, Zaini, Eko dan Jasmi (2018) menggambarkan bahawa penggunaan politik pembangunan turut menyumbang kepada kelangsungan dominasi BN di Sabah. Mereka menjelaskan bahawa jika diimbangi dari segi geografi negeri Sabah, masih terdapat kawasan bandar kecil mahupun pedalaman yang memerlukan usaha pembangunan yang lebih jitu dari pihak pemerintah. Dalam Pilihan Raya Umum ke-13, Barisan Nasional (BN) telah dinafikan majoriti 2/3 di Parlimen seperti PRU-12, namun diselamatkan oleh negeri Sabah selaku sebuah negeri di Malaysia Timur yang sering menjadi benteng kepada mereka untuk mempertahankan diri bagi kekal menerajui tampuk pemerintahan di Malaysia dengan sumbangan 22 kerusi daripada 25 kerusi yang ada. Kejayaan BN menguasai sejumlah 22 kerusi parlimen ini didapati sebagai akibat daripada penggunaan naratif pembangunan oleh para aktor politik.

Dapatan kajian ini menjadi gambaran awal tentang hakikat bahawa naratif politik pembangunan merupakan salah satu aspek penting yang telah mewarnai politik negeri Sabah yang mana dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara semasa era kolonial. Namun demikian, perlulah ditegaskan bahawa kajian yang dipaparkan hanyalah menumpukan kepada usaha menjelaskan tentang apakah sebenarnya kesan naratif politik pembangunan di Malaysia, khususnya di Sabah iaitu negeri yang terletak di pulau borneo. Tumpuan terhadap perkara tersebut menyebabkan perincian tentang apakah sebenarnya harapan rakyat di wilayah ini dan realiti pencapaian pembangunan sebagai kesan daripada penggunaan naratif politik pembangunan secara berterusan dalam kalangan ahli politik, khususnya para elit politik di wilayah ini masih kurang diberikan perhatian. Fenomena ini menjadi antara penyebab kepada kurangnya kefahaman umum tentang harapan dan realiti pencapaian naratif pembangunan di wilayah Sabah ini. Kelompangan ini seharusnya menjadi satu permasalahan kajian yang wajar diberikan perhatian.

Objektif Kajian

Sejajar dengan kelompongan yang dinyatakan di-atas, maka kajian ini secara umumnya dijalankan bagi tujuan memahami naratif politik utama iaitu politik pembangunan yang mendominasi perkembangan politik di wilayah Sabah sejak tahun 1963. Sehubungan itu, terdapat beberapa objektif khusus bagi kajian ini seperti berikut:

1. Mengkaji dan mengenal pasti apakah sebenarnya harapan rakyat terhadap naratif politik pembangunan yang sering dimomokkan oleh aktor-aktor politik bagi tujuan menarik sokongan pengundi di Sabah, Malaysia, dan
2. Menganalisa sejauhmanakah naratif politik pembangunan yang digunakan oleh aktor-aktor politik bagi tujuan menarik sokongan pengundi telah dapat direalisasikan di Sabah, Malaysia.

Metodologi

Berikut merupakan perincian tentang metodologi bagi kajian ini. Carta alir metodologi dalam kajian ini adalah seperti rajah 1 berikut.



Rajah 1: Carta Alir Metodologi Kajian

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan campuran (*mixed method*) yang biasanya merujuk kepada kaedah penyelidikan yang berusaha mengumpul serta menganalisis maklumat berkaitan topik yang dikaji dengan mencampurkan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian atau satu siri kajian (Creswell & Plano Clark, 2011). Sarjana lain seperti Doyle, Brady dan Byrne (2009), McKim (2017) serta Ahmad Tarmizi, Romzi dan Nurul Ain (2017) turut berpendapat bahawa pendekatan campuran sebagai satu pendekatan penyelidikan di mana penyelidik mengumpul dan menganalisis data kuantitatif dan kualitatif dalam kajian yang sama.

Tempoh Kajian

Tempoh masa kajian ini dilakukan adalah selama enam bulan yang mencakupi tempoh diantara bulan Disember 2022 hingga penghujung Mei 2023.

Populasi, Persampelan, Alat Kajian dan Analisis Data

Populasi bagi kajian ini merujuk kepada rakyat Malaysia di Sabah secara keseluruhannya. Namun demikian, kajian ini hanya menumpukan kepada penduduk Sabah yang layak mengundi dan Celik huruf sahaja. Sehubungan itu, bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan, selain mengadakan temubual bersama 8 orang informan (lihat Jadual 1) dan rujukan bahan sekunder seperti buku, jurnal, laporan rasmi serta kenyataan akhbar, borang soal selidik juga telah diedarkan kepada sejumlah 200 responden (lihat Jadual 2) di beberapa daerah di Sabah seperti Kota Kinabalu, Tuaran, Papar, Penampang, Kudat, Sandakan, Keningau, Semporna dan Ranau yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah persampelan ini merujuk kepada penentuan atau pemilihan responden kajian berikutan populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam iaitu sebagai warganegara Malaysia di Sabah. Dalam erti kata yang lain, persampelan rawak mudah adalah suatu proses pemilihan responden yang mewakili populasi yang dianggap bersesuaian (Mohammad Najib, 1999; Ames, Glenton & Lewin, 2019). Dalam pada itu, data kualitatif kajian ini yang diperolehi melalui temubual bersama informan dan sumber sekunder dianalisis secara tematik. Sebaliknya

data yang diperolehi melalui borang soal selidik pula dianalisis menggunakan perisian analisis kuantitatif iaitu SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*).

Jadual 1: Taburan Responden Kajian Bagi Tujuan Mendapatkan Data Kualitatif

Jantina Responden	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	4	50.00
Prerempuan	4	50.00
Jumlah Keseluruhan	8	100.00

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Jadual 2: Taburan Responden Kajian Bagi Tujuan Mendapatkan Data Kuantitatif

Jantina Responden	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	100	50.00
Perempuan	100	50.00
Jumlah Keseluruhan	200	100.00

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Kebolehpercayaan dan Kesahan Alat Kajian

Terdapat 15 item terkandung dalam set borang soal selidik yang dikemukakan untuk mendapatkan maklumbalas kuantitatif responden. Set borang soal selidik ini dianggap mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik disebabkan nilai Cronbach Alfa bagi keseluruhan item adalah 0.823. Selain itu, seperti juga soalan-soalan yang dikemukakan dalam sesi temubual bersama informan, item-item yang diketengahkan dalam set borang soal selidik turut mempunyai tahap kesahan yang baik apabila ujian kesahan muka (*face validity*) dan kesahan kandungan (*content validity*) telah dilihat dan diteliti oleh beberapa orang sarjana tempatan dalam bidang sains politik.

Dapatan Kajian

Berikut dibincangkan secara terperinci dapatan kajian bagi kajian ini. Secara ringkasnya, dapatan kajian seperti rajah 2 berikut.



Rajah 2: Ringkasan dapatan kajian

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Konsep Politik Pembangunan

Sebelum hasil analisis data bagi kajian ini dapat dipaparkan secara terperinci, maka adalah wajar diketengahkan makna sebenar konsep politik pembangunan itu sendiri. Konsep politik pembangunan secara umumnya merujuk kepada tindakan para aktor politik menabur janji dan juga 'gula-gula politik' menggunakan 'pembangunan' untuk memenangi hati pengundi (Henry & Springborg, 2010; Doolittle, 2001; Leftwich, 1994). Politik pembangunan biasanya dapat dikesan semasa pilihan raya apabila para aktor politik berkempen dengan berjanji bawa mereka akan membawa pelbagai bentuk pembangunan sekiranya memenangi kawasan yang ditandingi. Antara aspek pembangunan yang sering disebut ialah pembangunan infrastruktur, ekonomi, peluang pekerjaan, pembinaan tempat ibadah dan riadah, dan pelbagai jenis pembangunan yang amat didahagakan oleh pengundi setempat.

Pembangunan secara biasanya merujuk proses pemodenan sebagai satu pendirian politik yang digunakan oleh aktor politik di mana konsep tersebut selalunya akan diterjemahkan ke dalam proses penggubalan dasar. Dalam konteks ini, aktor politik khususnya mereka yang mengawal kerajaan amat berminat untuk samada memperkukuhkan mahupun mengekalkan kuasa kerana bagi mereka pembangunan adalah komponen penting bagi usaha tersebut (Rock, 2003). Oleh yang demikian, aktor politik ini percaya bahawa agenda pembangunan masyarakat yang menumpukan kepada penyediaan keperluan asas adalah kunci untuk menyatukan dan mengekalkan kuasa politik mereka sendiri. Keperluan asas, yang terdiri daripada tempat tinggal makanan, pakaian, sanitasi, pendidikan dan kesihatan, dilihat sebagai taraf hidup minimum yang harus ditetapkan oleh sesebuah masyarakat untuk golongan miskin di kawasan yang mereka pimpin (Kapoor, 2008).

Dalam pada itu Ilyas Abdullah (2022) menggambarkan politik pembangunan sebagai kaedah paling berkesan bagi pemerintah atau dalam erti kata yang lain aktor politik pemerintah meraih sokongan dalam mempertahankan kuasa dan juga mendapatkan kuasa di kawasan tertentu. Menurut Ilyas Abdullah "*politik pembangunan merupakan kaedah paling berkesan bagi*

pemerintah meraih sokongan dalam mempertahankan kuasa khususnya di kawasan yang masih bergantung kepada kerajaan dalam hal ehwal pembangunan. Kebanyakan kawasan luar bandar mempunyai jurang pembangunan yang begitu ketara jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Politik pembangunan yang melibatkan janji-janji berupa pembangunan infrastruktur begitu berkesan di kawasan atau negeri yang mundur dan sering menjadi penentu kemenangan sesebuah parti dalam pilihan raya. Mentaliti masyarakat di luar bandar yang masih memerlukan bantuan serta dijalin kemas dengan sentimen ketuanan Melayu menjadikan politik pembangunan begitu subur. Menerusi manifesto politik, apa sahaja elemen yang berkait dengan pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat diulang siar sebegitu kerap melalui media arus perdana” (2022:341). Malahan Mazli dan Jamaie (2018) turut menegaskan bahawa pendekatan politik pembangunan secara ironinya akan menanamkan sikap positif rakyat terhadap dasar kerajaan. Ini menunjukkan politik pembangunan mempunyai keupayaan membantu actor politik meraih sokongan politik dari rakyat setempat bagi tujuan mendapat mahupun mengekalkan kuasa. Politik pembangunan turut menjadi sebahagian daripada elemen penting politik di negeri Sabah, Malaysia.

Naratif Politik Pembangunan di Sabah

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini para sarjana biasanya mengaitkan naratif politik pembangunan dengan pengukuhan pengaruh kerajaan persekutuan di Sabah. Hal ini dengan jelas dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Lockard (1997), Kok-Wah (1996), Doolittle (2001) serta Mohamad Haziq, Zaini, Eko dan Jasmi (2018). Namun disebalik kajian ilmiah ini kita harus memahami sejauhmanakah aktor politik telah menggunakan naratif politik pembangunan dalam usaha mereka mengukuhkan pengaruh politik di Sabah. Bagi tujuan memahami hal ini, kajian ini berpegang kepada hakikat bahawa penggunaan naratif politik pembangunan telah bermula sejak tahun 1963 apabila persekutuan Malaysia dibentuk melalui penglibatan persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Sebagaimana menurut Malaysia Gazette (5 Ogos 2023), “*Sabah dan Sarawak telah dijanjikan pembangunan melalui Pembentukan Malaysia 1963. Namun, selepas perut bumi Sabah dan Sarawak menyumbang mengisi tabung pembangunan negara, peruntukan persekutuan yang diterima terlalu tidak setimpal berbanding dengan sumbangan Sabah dan Sarawak. Kemiskinan penduduk, kecapaian utiliti masih rendah*” (5 Ogos 2023).

Ini menjadi gambaran bahawa naratif politik pembangunan telah mula digunakan sejak tahun 1963 atau lebih awal dari tahun tersebut di Sabah. Malahan terdapat penulis tempatan seperti Armizan (2020) yang menggambarkan bahawa antara sebab utama Sabah bersetuju dengan gagasan Malaysia ialah faktor pembangunan apabila Tunku Abdul Rahman memberi jaminan usaha membangunkan negeri ini akan lebih baik dengan adanya kerjasama politik diantara Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Sejak itu, naratif politik pembangunan terus digunakan oleh para aktor politik tempatan untuk menarik sokongan atau undi dari rakyat di Sabah. ini terbukti apabila dalam sesi pilihan raya negeri Sabah 2013, aktor politik, khususnya Barisan Nasional telah menggunakan naratif politik pembangunan secara berleluasa untuk menarik sokongan rakyat. Menurut Asmady dan Suzalie, “*BN sebagai parti pemerintah telah menjadikan isu dan persoalan pembangunan sosio-ekonomi Sabah sebagai salah satu agenda terpenting khasnya dalam kempen-kempen pilihan raya yang diadakan dan sebagai natijah daripada ini, BN berjaya mengekalkan kelangsungan dominasi hegemoninya di Sabah. Sebahagian besar rakyat Sabah memberikan persetujuan terhadap parti ini untuk terus mentadbir kerajaan Negeri*” (2014: 193).

Perkembangan politik Sabah yang dimulai oleh pembentukan kerajaan yang pertama melalui proses pilihan raya pada April 1967 iaitu kerajaan Parti Perikatan Sabah turut dicirikan oleh penggunaan naratif politik pembangunan. Ini kerana pembentukan kerajaan yang mana pada asalnya dianggotai oleh Parti United Sabah National Organisation (USNO), United National Kadazan Orgnization (UPKO) dan Sabah Chinese Association (SCA) tetapi berkesudahan dengan keanggotaan kerajaan perikatan yang hanya melibatkan USNO dan SCA akibat pergeseran diantara Tun Datu Mustapha Datu Harun dan Tun Fuad Stephens, sering memberikan penekanan terhadap usaha memartabatkan hak penduduk Sabah dalam aspek pembangunan pelbagai bidang. Parti BERJAYA yang menggantikan kerajaan Pakatan USNO dan SCA ini turut memberi penekanan tentang aspek pembangunan apabila Ketua Menterinya iaitu Tan Sri Harris Salleh berusaha memastikan pembangunan samada fizikal mahupun kerohanian dapat dimartabatkan. Parti BERJAYA kemudiannya berjaya dikalahkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) yang dipimpin oleh Tan Sri Joseph Pairin Kitingan pada tahun 1985.

Kerajaan PBS seterusnya berjaya dikalahkan oleh parti United Malays National Organisation (UMNO) yang mula bertapak di Sabah pada tahun 1991. Dasar pemerintahan parti ini yang tidak mesra Kerajaan Pusat merupakan punca kepada kemasukan UMNO di Sabah. Sebagaimana menurut Eko, Zaini, Saat dan Aliakbar, *“untuk menyelesaikan krisis politik yang sedang berlangsung di Sabah, maka UMNO telah dibawa masuk dengan menyediakan calon semasa pilihan raya kecil Usukan pada 12 Mei 1991. Kemenangan yang berpihak kepada UMNO tersebut membolehkannya mengatur strategik menjelang pilihan raya negeri 1994 dengan slogan ‘Sabah Baru’ meliputi program pembangunan luar bandar dan kawasan pedalaman, meningkatkan prasarana sekolah, menubuhkan sebuah universiti dan pembentukan zon perdagangan bebas”* (2018: 92).

Apa yang menarik dengan kemasukan UMNO ke Sabah ialah kejayaan parti ini mengenepikan PBS dengan menggunakan naratif politik pembangunan melalui penggunaan slogan ‘Sabah baru’. Antara intipati slogan ini ialah janji perdana menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohammed untuk membawa lebih banyak projek pembangunan di Sabah. ini termasuklah aspirasi untuk mendirikan sebuah universiti awam di negeri ini. Maka dengan penggunaan naratif politik pembangunan berslogankan ‘Sabah baru’ ini maka UMNO Sabah akhirnya berjaya menumbangkan PBS pada tahun 1994. Menyedari hakikat ini maka para aktor politik tempatan mendapat gambaran bahawa naratif politik pembangunan berkesan dalam usaha meraih sokongan dari rakyat di Sabah. Justeru, sejak itu penggunaan naratif politik pembangunan sebagai alat utama bagi menarik sokongan terus berleluasa semasa pilihanraya negeri Sabah 2020 (PRN2020). Sebagaimana menurut Ibrahim, Esa, Mokhtar dan Ationg, *“Isu pembangunan dan ekonomi terutamanya yang melibatkan kos sara hidup rakyat di masa pandemik Covid 19 adalah antara isu yang menjadi tumpuan dan relevan dalam PRN Sabah kali ini”* (2023: 39).

Manakala dalam pilihanraya umum 2022, sekali lagi para aktor politik menggunakan naratif politik pembangunan sebagai senjata utama dalam usaha menarik sokongan pengundi. Sebagai contoh, dalam kempenya di Kota Marudu Maximus Ongkili berkata, *“hanya parti pimpinan kerajaan sahaja yang boleh membawa pembangunan di Sabah”* (Suraidah Roslan, 18 November 2022). Bung Mokhtar Radin dalam sesi kempenya di Kota Kinabalu pula berkata, *“Calon BN-GRS mampu membawa perubahan dan pembangunan yang lebih baik di Sabah jika diberi mandat pada PRU15 kerana kita adalah calon kerajaan negeri”* (Izwan, 18 November 2022). Ucapan semasa sesi kempen yang dikemukakan ini seharusnya menjadi bukti penggunaan naratif politik pembangunan secara berterusan dalam kalangan aktor politik di

Sabah sebagai alat untuk mengukuhkan sokongan politik di kawasan yang mereka tandingi. Selaras dengan itu timbul persoalan sejauhmanakah harapan rakyat terhadap penggunaan naratif politik pembangunan ini di Sabah.

Harapan Rakyat Terhadap Naratif Politik Pembangunan di Sabah

Kajian ini dijalankan bagi menilai harapan rakyat terhadap naratif politik pembangunan di Sabah. Sehubungan itu, data yang diperolehi menggunakan borang soal selidik telah dianalisis dan dipaparkan dalam Jadual 3. Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua 200 orang responden (100%) berpendapat mereka sangat bersetuju bahawa rakyat mempunyai harapan yang sangat tinggi terhadap naratif politik pembangunan di Sabah. Kajian ini juga mendapati seramai 12 orang responden (6%) bersetuju dan seramai 188 orang responden (94%) sangat bersetuju bahawa rakyat mempunyai harapan tinggi terhadap naratif politik pembangunan di Sabah. Ini memberi gambaran bahawa majoriti responden yang juga merupakan penduduk Sabah dan memberi gambaran bahawa rakyat di negeri ini mempunyai keinginan untuk melihat naratif politik pembangunan berfungsi membawa arus pembangunan yang lebih rancak di seluruh pelusuk negeri Sabah. Sebaliknya, majoriti responden menggambarkan bahawa penduduk Sabah secara keseluruhannya tidak bersetuju dengan dakwaan bahawa rakyat Sabah tidak meletakkan harapan tinggi terhadap naratif politik pembangunan di negeri ini apabila kesemua 200 orang responden (100%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan 4 iaitu rakyat sangat tidak meletakkan harapan tinggi terhadap PP di Sabah. Manakala bagi item 3 dengan pernyataan rakyat tidak meletakkan harapan tinggi terhadap naratif politik pembangunan di Sabah seramai 179 orang responden (89.5%) sangat tidak bersetuju dan seramai 21 orang responden (10.5%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 3: Harapan Responden Terhadap Naratif Politik Pembangunan di Sabah

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	rakyat mempunyai harapan sangat tinggi terhadap naratif PP di Sabah	-	-	-	200(100%)
2	rakyat mempunyai harapan tinggi terhadap PP di Sabah	-	-	12(6%)	188(94%)
3	rakyat tidak meletakkan harapan tinggi terhadap PP di Sabah	179(89.5%)	21(10.5%)	-	-
4	rakyat sangat tidak meletakkan harapan tinggi terhadap PP di Sabah	200(100%)	-	-	-

Nota: PP = Politik Pembangunan

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan harapan rakyat Sabah terhadap naratif politik pembangunan sesi temubual bersama 8 orang informan telah dijalankan. Dalam pada itu, informan 1 menjelaskan bahawa adalah tidak mengejutkan sekiranya rakyat Sabah amat meletakkan harapan tinggi terhadap naratif politik pembangunan. Ini kerana mereka beranggapan para aktor politik mempunyai kewajiban untuk menunaikan janji-janji yang ditabur semasa pilihan raya. Beliau berkata, “*wakil rakyat wajib menunaikan janji-janji yang ditabur semasa berkempen bagi memenangi suatu kerusi samada DUN mahupun parlimen. Mereka sewajarnya jangan mengamalkan sikap munafik yang hanya pandai berjanji sahaja*” (temubual dengan informan di Tuaran pada 7 Disember 2022). Pandangan beliau disokong oleh informan 2 apabila beliau berkata, “*rakyat meletakkan harapan tinggi terhadap janji-janji yang diucapkan oleh wakil rakyat semasa pilihan raya berlangsung dan mereka wajib menaikan janji-janji tersebut*” (temubual dengan informan di Ranau pada 17 Disember 2022).

Manakala informan 3 pula berpendapat bahawa semua calon semasa sesi pilihan raya kelihatan amat bersungguh-sungguh menjelaskan hal tersebut apabila beliau berkata, *“semasa pilihan raya semua calon kelihatan amat bersungguh-sungguh menjelaskan aspirasi mereka untuk membawa banyak projek mahupun program pembangunan di kawasan masing-masing. Ini menyebabkan kami sebagai pengundi amat meletakkan harapan tinggi terhadap naratif politik pembangunan di negeri ini”* (temubual dengan informan di Sandakan pada 24 Disember 2022). Maka dengan itu, informan 4 menjelaskan bahawa para pengundi memilih mereka agar janji-janji untuk membawa pembangunan di kawasan yang mereka wakili dapat direalisasikan. Beliau berkata, *“pengundi mengundi wakil rakyat tertentu semasa pilihan raya kerana mereka dijanjikan bulan dan bintang. Wakil rakyat wajib merealisasikan janji-janji tersebut dengan memastikan kawasan masing-masing dibangunkan seperti di negeri-negeri lain di negara ini”* (temubual dengan informan di Papar pada 8 Januari 2023). Nada serupa turut dilaikan oleh informan 5 (informan dari Kota Kinabalu yang ditemubual pada 11 Januari 2023), informan 6 (informan dari Semporna yang ditemubual pada 7 Mac 2023), informan 6 (informan dari Kudat yang ditemubual pada 25 Mac 2023), informan 8 (informan dari Keningau yang ditemubual pada 7 April 2023) apabila mereka menegaskan bahawa mereka meletakkan harapan yang amat tinggi terhadap naratif politik pembangunan kerana beranggapan naratif tersebut merupakan akujanji yang wajib ditunaikan oleh para aktor politik.

Bertepatan dengan maklumbalas yang diperolehi ini maka adalah jelas bahawa rakyat meletakkan harapan yang amat tinggi terhadap naratif politik pembangunan di Sabah sebagai mekanisme penting perubahan status negeri ini daripada sebuah negeri yang masih mundur kepada sebuah negeri yang maju pada masa akan datang. Namun, disebalik harapan tinggi ini adalah wajar difahami realiti pencapaian naratif pembangunan di Sabah bagi membolehkan pelbagai usaha susulan dapat dirangka oleh pelbagai pihak berwajib.

Realiti Pencapaian Pembangunan di Sabah

Kajian ini mendapati bahawa aktor politik sememangnya amat berminat dan sentiasa berusaha untuk memastikan aspirasi membangunkan Sabah sebagaimana yang mereka janjikan semasa sesi kempen dapat dijayakan. Namun demikian, realitinya, usaha membangunkan Sabah masih kurang memuaskan apabila masalah kemudahan asas seperti jalan raya, air dan elektrik kekal menjadi persoalan serta punca ketidakpuasan dalam kalangan penduduk setempat. Asmady dan Suzalie (2014) menjelaskan bahawa adalah *“tidak dinafikan bahawa projek pembangunan yang dirancang masih jauh dari aspek kesempurnaan kerana terdapat beberapa isu dan keperluan sosio-ekonomi yang mendesak di Sabah termasuklah perkembangan pendidikan dan kemahiran, peningkatan prasarana fizikal yang lebih menyeluruh (tidak tertumpu kepada kawasan bandar sahaja) dan juga penjagaan alam sekitar dek pembangunan yang boleh menghakis kekayaan alam semulajadi negeri di bawah bayu ini”* (2014: 193). Ini memberi gambaran awal tentang pencapaian pelaksanaan naratif politik pembangunan yang masih lemah di Sabah.

Sehubungan itu, adalah tidak mengejutkan apabila hasil analisis data yang diperolehi menggunakan borang soal selidik menunjukkan majoriti responden berpersepsi bahawa tahap pencapaian pembangunan di Sabah masih tidak memberangsangkan. Jadual 4 menunjukkan kesemua 200 orang responden (100%) berpendapat mereka sangat tidak bersetuju dengan dakwaan bahawa pencapaian pembangunan di Sabah sangat memberangsangkan. Kajian ini juga mendapati seramai 142 orang responden (71%) sangat tidak bersetuju dan seramai 58 orang responden (29%) tidak bersetuju dengan dakwaan bahawa pencapaian pembangunan di Sabah memberangsangkan. Sebaliknya, semua (200 orang; 100%) responden sangat bersetuju

dengan dakwaan bahawa pencapaian pembangunan di Sabah sangat tidak memberangsangkan. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa seramai 171 orang (85.5%) responden bersetuju, seramai 7 orang (3.5%) responden sangat bersetuju dan hanya 22 orang (11%) responden yang bersetuju bahawa pencapaian pembangunan di Sabah tidak memberangsangkan. Ini memberi gambaran bahawa majoriti responden yang juga merupakan penduduk Sabah berpersepsi bahawa pelaksanaan naratif politik pembangunan masih sangat tidak memuaskan di Sabah.

Jadual 4: Persepsi Responden Terhadap Realiti Pencapaian Pembangunan di Sabah

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Pencapaian pembangunan di Sabah sangat memberangsangkan	200(100%)			
2	Pencapaian pembangunan di Sabah memberangsangkan	142(71%)	58(29%)		
3	Pencapaian pembangunan di Sabah tidak memberangsangkan		22(11%)	171(85.5%)	7(3.5%)
4	Pencapaian pembangunan di Sabah sangat tidak memberangsangkan				200(100%)

Persepsi responden kajian yang memberi gambaran tentang kegagalan usaha merealisasikan naratif politik pembangunan di negeri ini disokong oleh dapatan kajian yang dilaporkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020. Secara amnya, Sabah masih menjadi negeri termiskin di Malaysia apabila Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 yang diterbitkan pada tahun 2020 menunjukkan wilayah Sabah telah mencatatkan pengurangan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM8.141 bilion berbanding dengan tahun lalu (RM85.647 billion). Laporan ini turut menunjukkan kesemua negeri mencatatkan pertumbuhan negatif dengan Sabah merekodkan kadar pengucupan sebanyak -9.5 disebalik paras nasional pada nilai -5.6%. Ironinya laporan ini menunjukkan bahawa Selangor, Wilayah Persekutuan KL, Johor, Pulau Pinang, Sarawak, dan Sabah merupakan penyumbang ekonomi negara sejumlah 72.1% kepada KDNK Malaysia pada tahun 2020. Disbalik status sebagai penyumbang ekonomi negara, KDNK per kapita bagi wilayah Sabah adalah RM21,484 berbanding dengan KDNK Malaysia pada nilai RM43,378. Manakala, KDNK per kapita bagi Selangor dan Pulau Pinang masing-masing pada nilai RM51,966 dan RM54,718.

Secaranya puratanya, Pendapatan Isi Rumah di Sabah berada pada paras RM5,215 berbanding dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan peringkat nasional yang mencatat masing-masing pada paras RM12,322 dan RM7,089 pada tahun 2019. Secara khusus, laporan ini menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan pendapatan yang ketara sekali di seluruh Sabah apabila daerah Tongod mempunyai kadar kemiskinan 56.6%, diikuti oleh Pitas (53.6%), Kota Marudu (46.2%), Beluran (45%), dan Telupid (40.7%). Selaras dengan itu, Nurayuni Johari (27 September 2021) melaporkan bahawa masih terdapat lapan daerah di Sabah yang dianggap sebagai daerah termiskin di Malaysia iaitu Kudat, Pitas, Kota Belud, Kota Marudu, Beluran, Telupid, Tongod dan Nabawan (MalaysiaGazette, 5 Ogos 2023). Dapatan kajian yang disokong oleh laporan rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia dan laporan media ini secara amnya memberi gambaran awal tentang tahap pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah yang masih amat lemah dan memerlukan usaha yang lebih tegas dari para aktor politik tempatan.

Faktor Penghalang Kejayaan Pelaksanaan Naratif Politik Pembangunan di Sabah

Berdasarkan perbincangan bersama informan kajian serta rujukan sumber sekunder, adalah didapati bahawa antara faktor penghalang kepada kejayaan pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah meliputi faktor kejujuran dan ketegasan aktor-aktor politik menunaikan janji yang dibuat semasa kempen pilihan raya, hubungan pusat dan negeri, sumber sedia ada,

kestabilan politik serta kesediaan pelbagai pihak menyumbang kepada usaha pembangunan di negeri ini. Terdapat ulasan pengamal media yang menggambarkan bahawa kejujuran dan ketegasan aktor-aktor politik menunaikan janji yang dibuat semasa kempen pilihan raya amat berkait rapat dengan kejayaan pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah. ini terbukti apabila MalaysiaKini memetik pandangan pemimpin politik yang menegaskan bahawa *“Pembangunan di Sabah jauh ketinggalan berbanding negeri lain akibat pemimpin dan rakyatnya terlalu banyak berpolitik. [Justeru], sudah tiba masanya pemimpin serta rakyat negeri tersebut mengetepikan soal politik dan mengutamakan pembangunan negeri demi kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhannya”* (Bernama, 17 Mac 2021).

Malahan wartawan Utusan Malaysia iaitu Malike Ibrahim turut menggambarkan tentang pentingnya hal tersebut apabila beliau berkata, *“pertimbangan memilih calon berkualiti sangat penting bagi menjamin sokongan pengundi. Ini kerana pengundi sudah boleh membuat pertimbangan memilih calon berkualiti dan berupaya membela nasib mereka”* (Malike Ibrahim, Utusan Malaysia, 16 Oktober 2022). Maka tidak mengejutkan apabila informan kajian ini berkata, *“ucapan pemimpin politik tentang pembangunan di Sabah tidak mungkin boleh direalisasikan sekiranya mereka hanya berusaha menarik minat pengundi untuk mengundi mereka. Apa yang paling penting ialah mereka bersikap jujur dan tegas untuk memastikan janji yang mereka ucapkan semasa berkempen Ketika pilihan raya”* (temubual bersama informan di Tuaran pada 7 Disember 2022). Pandangan seumpama ini turut disokong oleh responden lain apabila beliau berkata, *“janji para ahli politik yang bertanding semasa pilihan raya berkaitan pembangunan di Sabah ini tidak mungkin dapat direalisasikan sekiranya wujud sikap tidak jujur dan tiada ketegasan untuk berbuat demikian dalam kalangan mereka”* (temubual dengan informan melalui talian telefon di Semporna pada 4 Mac 2023).

Selain faktor tersebut, para sarjana seperti Mohammad Agus (2002), Asmady dan Suzalie (2014), Ramli, Eko, Nordin, Suhaimi dan Mohammad Faizal (2019), serta Hamdan (2020), memberi gambaran bahawa faktor hubungan baik diantara kerajaan persekutuan dan negeri turut berpengaruh dalam proses menjayakan pelbagai program pembangunan di Sabah. Justeru tidak hairanlah apabila informan kajian ini berkata, *“hubungan baik diantara kerajaan pusat dan negeri merupakan penentu kepada kejayaan pelaksanaan naratif politik pembangunan di negeri ini”* (temubual dengan informan di Kota Kinabalu pada 11 Januari 2023). Informan lain bagi kajian ini turut berkata, *“Sabah boleh dikatakan masih dibelengu kemiskinan disebabkan hubungan yang sering kali tidak memberangsangkan diantara kerajaan persekutuan dan negeri. Ini dibuktikan apabila pembangunan terencat semasa era pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS) tetapi sebaliknya semasa era pemerintahan BN”* (temubual dengan informan di Papar pada 8 Januari 2023). Sehubungan itu, faktor hubungan persekutuan dan negeri wajar dianggap sebagai antara perkara penting yang menentukan kejayaan pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah.

Manakala informan yang berasal dari Sandakan dan Ranau pula menggambarkan bahawa faktor kestabilan politik dan keberadaan sumber sebagai penentu kepada kejayaan pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah. Menurut informan yang ditemubual di daerah Ranau pada 17 Disember 2022, *“kestabilan politik sangat diperlukan bagi membolehkan usaha merealisasikan naratif politik pembangunan di Sabah dapat dijayakan. Jika keadaan politik terus bergolak, saya tidak yakin aspirasi tersebut boleh dilaksanakan”*. Sementara informan yang ditemubual di Sandakan pada 24 Disember 2022 pula berkata, *“saya berpendapat bahawa pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah hanya akan berjaya sekiranya sumber sedia ada dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Namun sumber sedia ada tidak dapat digunakan*

dengan baik sekiranya keadaan politik di negeri ini terus menerus dicirikan oleh ketidakstabilan”. Pandangan seperti ini menjadi gambaran jelas tentang pentingnya factor kestabilan politik dan keberadaan sumber dalam proses pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah.

Namun demikian adalah perlu ditegaskan bahawa keberadaan sumber sedia ada dan kestabilan politik tidak semestinya mampu menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan naratif politik pembangunan di negeri ini sekiranya rakyat Sabah secara keseluruhan mahupun rakyat di seluruh pelusuk negara ini (Malaysia) tidak mempunyai keinginan untuk menyumbang dalam proses tersebut. Hal ini demikian kerana tanpa penglibatan mereka maka sudah semestinya pelbagai projek mahupun program pembangunan sukar dijayakan. Sebagai contoh, bantahan penduduk setempat terhadap pelaksanaan program pembangunan di kawasan tertentu di Sabah hanya akan merencatkan proses tersebut. Tetapi jika rakyat setempat mengambil sikap positif dengan menyokong program pembangunan yang dijalankan, disamping sokongan dari pelbagai pihak seperti pihak swasta, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (Non-Governmental Organization, NGO), maka segala usaha berkaitan pelaksanaan naratif politik pembangunan dapat dijayakan. Hal ini adalah selaras dengan pandangan informan kajian yang ditemubual di daerah Keningau pada 7 April 2023 dan informan dari daerah Kudat yang ditemubual pada 25 Mac 2023. Informan dari Keningau berkata, *“segala usaha melaksanakan naratif politik pembangunan mungkin masih tidak mencukupi sekiranya semua pihak tidak menyokong tetapi menghalang proses tersebut”*. Informan dari Kudat juga berkata, *“sokongan semua pihak dalam proses pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah amat penting”*. Sehubungan itu, menyedari hakikat wujudnya halangan kepada kejayaan pelaksanaan naratif politik pembangunan di negeri ini maka kajian ini sewajarnya menyenaraikan cadangan Tindakan menangani faktor-faktor berkaitan.

Cadangan Tindakan Menangani Faktor Penghalang Kejayaan Pelaksanaan Naratif Politik Pembangunan di Sabah

Berikut merupakan ringkasan cadangan tindakan menangani faktor penghalang kejayaan pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah:

- a. Pengenalan pelbagai program pemerksaan kepimpinan dan kemahiran berkaitan pembangunan tempatan khas untuk para aktor politik tempatan. Hal ini amat diperlukan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para aktor politik berkaitan inisiatif pembangunan di Kawasan masing-masing. Menurut Mokhtar et al. (2023), perubahan yang perlu di bawa oleh kepemimpinan seharusnya tidak hanya menumpu kepada aspek-aspek yang bersifat teknikal tetapi menumpukan kepada perubahan sikap dan pemikiran yang lahir dari kesedaran dan kebijaksanaan yang dijana melalui pembangunan intelek dan teladan yang menjadi inspirasi mereka untuk berubah atau bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu perubahan.
- b. Pewujudan sistem pemantauan aktiviti aktor politik tempatan yang melibatkan pengukuran status sebenar pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*, KPI). Adalah diyakini bahawa pelaksanaan sistem pemantauan sistematik terhadap aktiviti aktor politik tempatan ini membantu dalam proses menjayakan pelaksanaan naratif politik pembangunan di Sabah.
- c. Pengenalan syarat pemilihan wakil rakyat supaya berjaya melaksanakan sekurang-kurangnya 60% daripada manifesto pilihan raya mereka dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun sekiranya menang. Syarat ini juga seharusnya menetapkan supaya mana-mana wakil rakyat yang gagal mencapai 60% pelaksanaan manifestonya tidak lagi layak dicalonkan dalam mana-mana sesi pilihanraya. Pengenalan syarat ini dianggap wajar bagi memastikan

para aktor politik tidak lagi sewenang-wenangnya menabur janji demi menarik sokongan pengundi semasa sesi pilihan raya tetapi tidak menunaikan janji-janji tersebut apabila Berjaya menjadi wakil rakyat, khususnya jika mereka dilantik menjawat jawatan seperti Ketua Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan lain-lain jawatan yang boleh memudahkan sebarang urusan berkaitan pelaksanaan program-program pembangunan di Kawasan masing-masing.

- d. Mengambil kira sumbang saran pelbagai pihak dalam usaha memastikan naratif politik pembangunan dapat dilaksanakan dengan jayanya di Sabah. Ini termasuklah mengambil kira saranan pihak tertentu supaya hak Sabah yang termakstub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dimartabatkan. Sebagaimana menurut Ketua Cabang Parti Keadilan Rakyat Kota Marudu Sazalye Donol, *“pengembalian hak Sabah seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) juga amatlah penting, tetapi perlu diingat ianya akan menjadi sia-sia selagi wakil rakyat dipilih hanya mementingkan diri dan kroni berbanding rakyat yang diwakilinya”* (Yap Siong Han, 5 Ogos 2023).

Selain itu, pelaksanaan cadangan tindakan sebagaimana yang dikemukakan oleh Timbalan Setiausaha Agung, *United Progressive Kinabalu Organisation* iaitu Peter Naintin juga wajar dipertimbangkan. Bagai memastikan halangan kepada kejayaan implementasi naratif politik pembangunan di Sabah dapat ditangani. Melalui ruangan blog beliau iaitu Nabal News, dengan memberikan tumpuan kepada pembasmian kemiskinan di negeri ini, Peter Naintin mencadangkan supaya pihak kerajaan memperkenalkan dasar yang lebih baik, inklusif dan memfokus kepada usaha pembasmian kemiskinan di Sabah dengan memperkasakan modal insan melalui Pendidikan, Kemahiran dan Perniagaan (PKP). Berikut merupakan cadangan tindakan yang dikemukakan oleh Peter Naintin.

Jadual 5: Cadangan Pembasmian Kemiskinan di Sabah oleh Peter Naintin

A. Dasar Membasmi Kemiskinan

1. Pihak kerajaan perlu fokus kepada jalan penyelesaian berdasarkan data-data baharu yang diperolehi oleh pihak penyelidik daripada universiti, badan bukan kerajaan dan kerajaan tempatan. Maklumat dan data ini perlu diselaraskan dan dikemaskini secara berkala agar pengagihannya kepada agensi kerajaan berkaitan dapat dilaksanakan dan dipantau secara sistematik. Budaya perkongsian maklumat ini amat penting dalam menjayakan dasar membasmikan kemiskinan.
2. Pihak Kerajaan juga perlu membuat dasar membasmikan kemiskinan yang lebih baik, inklusif dan tertumpu menyelesaikan masalah kemiskinan. Objektif utamanya ialah untuk rakyat berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan melalui Pendidikan, Kemahiran dan Perniagaan. Disamping itu, kerajaan perlu mewujudkan jawatankuasa khas yang mampu menyelaraskan dan memantau Program-program Pembasmian Kemiskinan secara kolektif.

B. Pembangunan Modal Insan

1. Pembudayaan dan kesedaran kepada rakyat perlu dibuat di setiap peringkat masyarakat. Kerajaan perlu memperkasakan ekonomi rakyat dan bukannya memberikan subsidi semata-mata. Struktur dan pengagihan tenaga buruh di Sabah yang berumur bekerja di antara 15 sehingga 64 tahun perlu diperkasakan berasaskan ilmu pengetahuan.

2. Untuk menjadi sebuah wilayah yang berdaya saing, kita bukan sahaja fokus kepada hasil sumber bumi, tapi pembangunan modal insan dalam industri utama kita. Kerajaan perlu membentuk satu jawatankuasa khas untuk melaksanakan Program Panduan Kerjaya (*Career Guidance*) secara menyeluruh bagi memperkenalkan industri utama di Sabah.
3. Ini boleh diterap ke dalam sistem pembelajaran di setiap sekolah. Ini boleh dilakukan seawal tingkatan satu di sekolah menengah. Di mana, para pelajar berasa yakin dalam membuat keputusan yang wajar ketika memilih bidang di tingkatan 4. Jawatankuasa ini nanti akan bertanggungjawab dalam menyenaraikan dan melaksanakan keperluan tenaga mahir dan separa mahir yang diperlukan berdasarkan industri utama di Sabah.
4. Ini boleh dijadikan sebahagian daripada Cadangan Pembangunan Modal Insan di Wilayah Sabah. Kita boleh membangun dan membentuk generasi muda-mudi dengan mengemudi mereka untuk menjadi pemimpin di masa hadapan. Ini akan menarik lebih ramai muda-mudi kita untuk menjadi tenaga mahir dan separa mahir dalam industri pertanian, pembuatan dan pelancongan.
5. Ini juga boleh dilakukan dengan memperkenalkan teknologi industri 4.0 kepada tenaga pekerja tempatan. Dengan harapan, menjelang tahun 2030, seramai 100,000 generasi muda-mudi akan menjadi tenaga mahir dan separa mahir dalam bidang kejuruteraan, perubatan, kewangan, perniagaan, perundangan, pendidikan, pertanian dan usahawan di Sabah.
6. Pada masa yang sama, kerajaan dan pihak swasta perlu bekerjasama dalam membina lebih banyak institut pengajian teknikal yang berkaitan dan kedudukannya seharusnya berdekatan dengan sumber hasil bumi tersebut. Ini membolehkan penduduk setempat dapat mengambil peluang dalam kemahiran tertentu dan pekerjaan.
7. Cadangan Satu Graduan, Satu Keluarga dapat mengajak keluarga daif agar keluar daripada kepompong kemiskinan. IPTA dan IPTS merupakan sebuah gedung pendidikan untuk kita mendapat ilmu berfikir secara kritis dan membentuk pemikiran yang membina. Kaum wanita juga perlu terlibat dalam pertumbuhan ekonomi tempatan.
8. Cadangan Satu Keluarga, Satu Perniagaan boleh diperkenalkan kepada golongan yang berminat dalam aktiviti perniagaan. Oleh itu, pelaksanaan projek kerajaan perlukan memahami keperluan tempatan dan bukannya untuk kepentingan sendiri dan politik mereka sendiri.

Sumber: Peter Naintin, Nabalu News (n.d.)

Rumusan

Sebagai intiha wacana kajian ini secara keseluruhannya memaparkan penjelasan berkaitan harapan rakyat terhadap naratif politik pembangunan yang sering dimomokkan oleh aktor-aktor politik bagi tujuan menarik sokongan pengundi serta realiti pelaksanaan atau pencapaian proses implementasi naratif tersebut di Sabah, Malaysia. Dalam pada itu, adalah didapati bahawa rakyat Sabah telah meletakkan harapan tinggi supaya naratif politik pembangunan mampu meningkatkan status wilayah ini daripada wilayah mundur kepada wilayah yang maju dalam kerangka persekutuan Malaysia sejak sekian lama iaitu sejak persekutuan Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Disebalik harapan menggunung tersebut, kajian ini mendapati bahawa naratif politik pembangunan masih tidak berjaya merealisasikan harapan tersebut. Malahan ada sesetengah pihak yang semakin hilang kepercayaan terhadap penggunaan

sebarang usaha aktor-aktor politik untuk memancing undi menggunakan naratif tersebut. Ini kerana pencapaian implementasi naratif tersebut amat bergantung kepada pelbagai faktor seperti kejujuran dan ketegasan aktor-aktor politik menunaikan janji yang dibuat semasa kempen pilihan raya, hubungan pusat dan negeri, sumber sedia ada, kestabilan politik serta kesediaan pelbagai pihak menyumbang kepada usaha pembangunan di Sabah. Selaras dengan itu, kajian ini menggariskan beberapa cadangan tindakan bagi menangani faktor penghalang yang dimaksudkan.

Penghargaan

Kertas kerja ini dibentang dalam International Conference on Education, Islamic Studies, Social Science Research & Engineering (ICEISSE 2023) pada 28-29 Ogos 2023 bertempat di Al-Fahad Hotel, Hatyai Songkhla, Thailand.

Rujukan

- Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Romzi Ationg, & Nurul Ain Zulhaimi. (2017). A paradigm shift in understanding mixed method research: A Malaysian perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 9(1), 46-56.
- Ames, H., Glenton, C., & Lewin, S. (2019). Purposive sampling in a qualitative evidence synthesis: A worked example from a synthesis on parental perceptions of vaccination communication. *BMC Med Res Methodol*, 19(26), 2-9.
- Armizan Mohd Ali. (2020). *Sabah dalam Persekutuan Malaysia: MA63 sebagai Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Asmady Idris & Suzalie Mohamad. (2014). Kelangsungan dominasi Barisan Nasional di Sabah dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (The continuing dominance of Barisan Nasional in Sabah in the 13th General Elections). *Kajian Malaysia*, 32(Supp. 2), 171–206.
- Bernama. (17 Mac 2021). Pembangunan Sabah jauh ketinggalan sebab terlalu berpolitik, kata Bung. *Malaysiakini*. Dipetik daripada: <https://www.malaysiakini.com/news/566975>
- Creswell, J.W., & Plano Clark, V.L. (2011). Choosing a mixed methods design. *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 2, 58-89.
- Doolittle, A.A. (2001). "Are they making fun of us?" The politics of development in Sabah, Malaysia. *Moussons*, 4, 75-95.
- Doyle, L., Brady, A.M., & Byrne, G. (2009). An overview of mixed methods research. *Journal of Research in Nursing*, 14(2), 175-185.
- Eko Prayitno Joko, Zaini Othman, Saat Awg Damit & Aliakbar Gulasan. (2018). Sentimen Primodial dan kesedaran politik dalam pembangunan politik Sabah: Penelitian terhadap PRU-14. *Jurnal Kinabalu, Edisi Khas*, 77-110
- Franzosi, R. (1998). Narrative analysis—or why (and how) sociologists should be interested in narrative. *Annual Review of Sociology*, 24, 517-554.
- Graef, J., da Silva, R., & Lemay-Hebert, N. (2018). Narrative, political violence, and social change. *Studies in Conflict & Terrorism*, 1–13.
- Hamdan Aziz (2020). Keberadaan PAS di Sabah Serta Pencapaian dalam Pilihan Raya Umum, 1986-2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 1-30.
- Hazis, F.S. (2009). The politics of development in Sarawak. *Akademika*, 77(Disember), 91-111.
- Henry, C.M., & Springborg, R. (2010). *Globalization and the politics of development in the Middle East* (Vol. 1). United Kingdom: Cambridge University Press.

- Ibrahim, M.A., Esa, M.S., Mokhtar, S., & Ationg, R. (2023). PRN Sabah 2020: Tinjauan terhadap sentimen pembangunan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 31-46
- Ilyas Abdullah. (2022). Politik pembangunan di Terengganu (1999-2013). *Journal of Administrative Science*, 19(1), 340-352.
- Izwan Abdullah (18 November 2022). PRU15: 'Buat pilihan bijak, BN-GRS tawaran terbaik untuk Sabah'. Dalam *BH Online*. Dipetik daripada: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1027387/pru15-buat-pilihan-bijak-bn-grs-tawaran-terbaik-untuk-sabah>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kapoor, I. (2008). *The postcolonial politics of development* (1st ed.). United Kingdom: Routledge.
- King, V.T. (1993). Politik pembangunan: The political economy of rainforest exploitation and development in Sarawak, East Malaysia. *Global Ecology and Biogeography Letters*, 3(4/6), 235-244.
- Kok-Wah, F.L. (1996). A "New Sabah" and the spell of development: resolving federal-state relations in Malaysia. *South East Asia Research*, 4(1), 63–83.
- Leftwich, A. (1994). Governance, the State and the politics of development. *Development and change*, 25(2), 363-386.
- Lockard, C. (1997). Sabah and Sarawak: The Politics of Development and Federalism. *Kajian Malaysia*, Special Issue, 236.
- Malaysia Gazette. (5 Ogos 2023). Jelaskan penjenamaan semula Sabah, Sarawak sebagai 'Wilayah'. Dipetik daripada: <https://malaysiagazette.com/2021/04/13/jelaskan-penjenamaan-semula-sabah-sarawak-sebagai-wilayah/>
- Malike Ibrahim (16 Oktober 2022). Dimensi politik baharu atau di takuk lama? *Utusan Malaysia*. Dipetik daripada: https://www.utusan.com.my/rencana/2022/10/dimensi-politik-baharu-atau-di-takuk-lama/#google_vignette
- Mazli & Jamaie. (2018). *Neofeudal UMNO: Politik dan Pembangunan Luar Bandar*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre
- McKim, C.A. (2017). The value of mixed methods research: A mixed methods study. *Journal of Mixed Methods Research*, 11(2), 202-222.
- Miller, H.T. (2020). Policy narratives: the perlocutionary agents of political discourse. *Critical Policy Studies*, 14(4), 488-501.
- Mohammad Agus Yusoff. (2002). Politik Federalisme di Malaysia: Pengalaman Sabah. *JATI*, 7, 1-20.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mokhtar, S., Thia, K., Ationg, R., Ahmad, M. K. L., Mohad, A. H., & Rahim, S. A. (2023). Teori Kepimpinan Transformasi Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 276-291.
- Nurayuni Johari. (27 September 2021). 8 daerah termiskin di Sabah ada Menteri, Timbalan Menteri. *MalaysiaGazette*, 5 Ogos 2023. Dipetik daripada: <https://malaysiagazette.com/2021/09/27/8-daerah-termiskin-di-sabah-ada-menteri-timbalan-menteri/>
- Patterson, M., & Monroe, K.R. (1998). Narrative in political science. *Annual Review of Political Science*, 1(1), 315–331.
- Patterson, M., & Monroe, K.R. (1998). Narrative in political science. *Annual Review of Political Science*, 1, 315-331.

- Peter Naintin (n.d.) Panorama kemiskinan di Sabah. *Nabalu News*. Dipetik daripada: <https://www.nabalunews.com/post/panorama-kemiskinan-di-sabah>
- Polletta, F., & Callahan, J. (2017). Deep stories, nostalgia narratives, and fake news: Storytelling in the Trump era. *American Journal of Cultural Sociology*, 5(3), 392–408.
- Rock, M.T. (2003). The politics of development policy-making in New Order Indonesia. Working Paper No. 632, November. Ann Arbor: William Davidson Institute, University of Michigan.
- Shenhav, S.R., Oshri, O., Ofek, D., & Sheaffer, T. (2014). Story coalitions: Applying narrative theory to the study of coalition formation. *Political Psychology*, 35(5), 661-678.
- Shenhav, S.R. (2006). Political narratives and political reality. *International Political Science Review*, 27(3), 245–262.
- Suraidah Roslan. (18 November 2022). Undi calon GRS-BN untuk bawa pembangunan di Sabah. Dalam *Utusan Malaysia*. Dipetik daripada: <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/11/undi-calon-grs-bn-untuk-bawa-pembangunan-di-sabah/>
- Warijo. (2012). The politics of development in Malaysia: Strategy of Malaysian Islamic Political Party (PAS). *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 05(02), 35-46.
- Yap Siong Han. (5 Ogos 2023). Pandang serius keadaan daerah miskin di Sabah. *Utusan Borneo Online*. Dipetik daripada: <https://www.utusanborneo.com.my/2021/06/28/pandang-serius-keadaan-daerah-miskin-di-sabah>